

SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai
dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT KHAS (D.2 EB.3)

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

JABATAN PERDANA MENTERI

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TRADESMAN KUMPULAN II TINGKAT KHAS
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
D.2 EB.3 (\$650 - \$1,125 EB KHAS \$1,170 - \$1,350 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus satu (01) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Lanjutan (*GCE 'A' level*) atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.


ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berkemahiran dalam kerja-kerja projek dan pemeliharaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat pemeriksaan ke atas permohonan pengguna bagi tapak pembinaan rumah baru atau menambah pendawaian;
2. Membuat pemeriksaan substesen 11KV dan stesen utama 11KV bagi membuat laporan;
3. Membuat pemeriksaan beban (*load*) substesen yang sedia ada bagi voltan rendah di *feeder pillar*, jika diperlukan;



4. Mengemaskini laporan terkini kepada Ketua Bahagian Projek Pemeliharaan di Bahagian Unit Operasi dan Pemeliharaan dari semasa ke semasa;
5. Memeriksa pemberong membuat kerja-kerja projek dan pemeliharaan *MV 11KV* dan *LV 415V*;
6. Menyediakan lukisan teknikal serta kerja-kerja projek dan pemeliharaan laluan kabel *MV 11KV* dan *LV 415V*;
7. Bertanggungjawab dan mengawasi kerja-kerja unit talian kawat atas;
8. Bersiap sedia setiap masa untuk menghadiri aduan kerosakan *11KV* aerial kabel dan talian kawat atas; dan
9. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Bahagian dan Pegawai-Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.